



JABATAN KETUA MENTERI
 (UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)
 TINGKAT 9, 10 & 11
 WISMA BAPA MALAYSIA
 PETRA JAYA, 93502 KUCHING
 SARAWAK
 Telefon Am : 082-441957
 No Faks : 082-445618
 Website : www.hrm.sarawak.gov.my



PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BIL. 5 TAHUN 2015

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Sarawak

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap
 Semua Residen
 Semua Ketua Jabatan Negeri

PERKARA: DASAR HADIAH LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

RUJUKAN: /5/JKM/UPSM/S7/500-6/7 Jld. 4 TARIKH: 25 MAR 2015

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk:

- 1.1 memaklumkan tentang Dasar Hadiah Latihan Dalam Perkhidmatan yang melibatkan biasiswa, bantuan kewangan dan cuti belajar; serta
- 1.2 menjelaskan tentang proses dan kriteria bagi pemberian Hadiah Latihan Dalam Perkhidmatan.


2. PENGENALAN

- 2.1 Hadiah Latihan Dalam Perkhidmatan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri adalah dalam bentuk elaun untuk berkursus serta yuran pengajian dan cuti belajar.

3. DASAR HADIAH LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

3.1 Program Pengajian

- 3.1.1 Kerajaan Negeri akan mengenalpasti program pengajian berdasarkan keperluan negeri bagi peringkat pengajian sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan kedoktoran (PhD).



Seksyen Pembangunan Organisasi
 No.Tel: 082-446415
 No. Fax: 082-443970

Seksyen Perjawatan
 No.Tel: 082-319948
 No. Fax: 082-311478

Seksyen Kerjaya
 No.Tel: 082-446355
 No. Fax: 082-311473

Seksyen Khidmat Gunasama
 No.Tel: 082-446344
 No. Fax: 082-440033

Seksyen Kemudahan
 No.Tel: 082-312548
 No. Fax: 082-445618

Seksyen Maklumat
 No.Tel: 082-449237
 No. Fax: 082-449490

Seksyen Latihan
 No.Tel: 082-313951
 No. Fax: 082-312997

Seksyen Disiplin
 No.Tel: 082-443502
 No. Fax: 082-312923

Seksyen Pengurusan Psikologi
 No.Tel: 082-443125
 No. Fax: 082-440033

- 3.1.2 Kerajaan Negeri akan menjemput pegawai-pegawai yang layak untuk membuat permohonan bagi mengikuti program pengajian yang diiklankan.
- 3.1.3 Ketua Jabatan hanya akan menghantar pencalonan pegawai mengikuti program pengajian setelah iklan tawaran program pengajian dikeluarkan. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang layak hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan.
- 3.1.4 Pegawai yang diluluskan untuk mengikuti program pengajian yang diiklankan akan ditawarkan Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa. Oleh itu, Kerajaan Negeri tidak akan memberi pembiayaan Bantuan Kewangan bagi semua peringkat pengajian.
- 3.1.5 Permohonan untuk mengikuti program pengajian yang tidak diiklankan hanya akan dipertimbangkan untuk diberi Cuti Belajar Tanpa Gaji dan Tanpa Biasiswa.

3.2 Kriteria Pemohon

- 3.2.1 Berjawatan tetap berpencen/tetap tak berpencen/kontrak jangka panjang
- 3.2.2 Telah disahkan dalam jawatan
- 3.2.3 Berumur tidak melebihi 45 tahun semasa permohonan dibuat
- 3.2.4 Berumur tidak melebihi 43 tahun semasa permohonan dibuat (Bagi kursus ke peringkat kedoktoran)
- 3.2.5 Telah mengisytiharkan harta
- 3.2.6 Bebas daripada sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib
- 3.2.7 Memperolehi markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85 peratus bagi tempoh genap tiga (3) tahun kalendar berturut-turut
- 3.2.8 Telah berkhidmat untuk tempoh tiga (3) tahun untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi
- 3.2.9 Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan
- 3.2.10 Diterima oleh universiti/institusi untuk mengikuti kursus yang diluluskan

3.3 Proses Pemilihan Di Peringkat Jabatan

- 3.3.1 Permohonan pegawai akan dinilai oleh Jawatankuasa Carian masing-masing. Jawatankuasa ini hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Jabatan yang akan melantik 2 orang pegawai kanan sebagai ahli-ahli jawatankuasa.